

Penduduk Baghdad terkejut dilanda salji

BH 12.1.2008 m/c 21

BAGHDAD: Beribu-ribu penduduk Baghdad terkejut tetapi gembira apabila ibu negara Iraq itu dilanda salji semalam, kali pertama dalam sejarah bandar raya berkenaan dan mengisytiharkannya sebagai petanda keamanan di negara itu.

"Ini adalah kali pertama kami melihat salji di Baghdad. Kami pernah menerima hujan batu sebelum ini, tetapi tidak pernah melihat salji. Saya memandang wajah semua penduduk dan mereka kelihatan amat kagum," kata Hassan Zahar, 60.

Hassan berkata beliau berasa teruja apabila salji melitupi rambut dan bahunya. Beliau turut mengajak orang ramai untuk merasai kegembiraan bermain salji.

"Bagi kami, salji adalah tanda keamanan," katanya.

Seorang anggota polis trafik, Mur-tadha Fadhil, terpaksa berlindung di bawah beranda untuk mengeringkan badan dan menyifatkan salji yang turun sebagai 'isyarat baru bagi sebuah negara Iraq yang baru.'

"Ia adalah petanda sebuah harapan. Kami berharap rakyat Iraq akan mensucikan hati mereka dan ahli politik akan bekerja gigih untuk kesejahteraan rakyat negara

ini," katanya.

Sementara jalan raya di Baghdad lengang apabila dipenuhi salji yang tebal dan basah semalam yang juga cuti hujung minggu di negara itu.

Suhu berada pada paras hampir beku manakala salji cair sebaik jatuh ke tanah.

"Bagaimanapun ia masih kelihatan indah. Salji akan membawa kegembiraan kepada rakyat Iraq. Ia amat cantik," kata Mohammed Rahim, seorang pembuat roti. - Reuters

“Ini kali pertama kami melihat salji di Baghdad. Kami pernah menerima hujan air batu sebelum ini. Saya memandang wajah penduduk dan mereka kelihatan amat kagum”

Hassan Zahar
Penduduk Baghdad



DILANDA SALJI: Seorang penduduk berjalan di jalan raya Baghdad yang menerima salji.